

D125

U B213 AAB  
MAHATHIR-PERTANIAN

BATU PAHAT, 21 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MALAYSIA PERLU BERTINDAK MEMASTIKAN SEKTOR PERTANIANNYA BOLEH MEMBEKALKAN MAKANAN KEPADA SELURUH RAKYAT WALAUPUN DALAM KEADAAN DARURAT.

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH ITU PERLU KERANA EKSPORT SESEBUAH NEGARA YANG BAHAN MAKANANNYA BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA PUNCA IMPORT, PADA HAKIKATNYA, TIDAK BENAR-BENAR +MERDEKA+.

LANGKAH ITU MENJADI LEBIH PENTING UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN PENDUDUK YANG PERTAMBAHANNYA KETARA SEKALI, IAITU 360,000 SETAHUN, KATANYA SEMASA MERASMIKAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT JOHOR DI SINI.

KATANYA, WALAUPUN KERAJAAN MENJANGKA PERANCANGAN 70 JUTA PENDUDUK AKAN TERCAPAI PADA 2085 TETAPI UNJURAN SEMASA MENUNJUKKAN ANGKA 70 JUTA ITU BOLEH DICAPAI MENJELANG TAHUN 2035.

MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI SEBAB UNTUK MENGABAIKAN SEKTOR PERTANIAN WALAUPUN DALAM MASA YANG SAMA TUMPUAN DIBERIKAN JUGA PADA SEKTOR PEMBUATAN KERANA INDUSTRI PERTANIAN DI NEGARA INI HANYA MEMERLUKAN MODAL YANG KECIL MEMANDANGKAN TANHNYA YANG SUBUR. -- LAGI  
1310MST 21 07 90

D126

U B214 AAB  
MAHATHIR-PERTANIAN 2 BATU PAHAT

+MEMANG BENAR KITA AKAN TERUS MENGIMPORT SEBAHAGIAN BAHAN MAKANAN NEGARA TETAPI KITA MAHU, DALAM KEADAAN TERPUTUS, KITA MEMPUNYAI PUNCA-PUNCA DALAM NEGARA UNTUK MENGELAKKAN KEBULURAN+, KATANYA.

OLEH ITU, KATANYA, ADALAH PENTING BAGI KERAJAAN UNTUK TERUS MEMBERI PENEKANAN PADA SEKTOR PERTANIAN DENGAN MENYUSUN PELBAGAI CARA DALAM MEMASTIKAN SUMBER MAKANAN YANG TERJAMIN, YANG DALAM MASA YANG SAMA JUGA MEMBAWA PULANGAN YANG LEBIH KEPADA PARA PETANI. --  
BERNAMA

1311MST 21 07 90

D135

U B218 AAB MEX  
MAHATHIR-PERTANIAN 3 BATU PAHAT (SAMBUNGAN BERITA AWAL) ☉ ☉ ☉

KATANYA USAHA GIGIH AKAN DITERUSKAN SUPAYA PETANI DAN NELAYAN TIDAK KETINGGALAN DALAM BERUSAHA MENINGKATKAN PENDAPATAN WALAUPUN BIDANG-BIDANG LAIN DI SEKTOR PEMBUATAN JUGA MENAWARKAN PELUANG-PELUANG YANG BAIK.

+JADI, DASAR PERTANIAN PERLUHA DITEKANKAN AGAR BIDANG ITU DAPAT DIJALANKAN DENGAN LEBIH CEKAP DALAM MEMASTIKAN SEKTOR PERTANIAN KEKAL SEBAGAI SEKTOR YANG PENTING,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA NEGARA SEDANG MENGGIATKAN INDUSTRI PEMBUATAN, UNTUK MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA PENDUDUK YANG DIJANGKA MELEBIHI 20 JUTA ORANG MENJELANG TAHUN 2000.

MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID, BERKATA USAHA MEMBASMI KEMISKINAN MERUPAKAN PROGRAM KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEBAGAI SATU KOMITMENNYA PADA MASA AKAN DATANG DENGAN MENGGABUNGAN ASPEK EKONOMI DAN AGAMA.

UNTUK ITU, KERAJAAN MEMERLUKAN MANDAT BARU UNTUK TERUS MEMERINTAH DAN MELAKSANAKAN PROGRAM YANG TELAH DIATUR, KATA BELIAU.

-- LAGI

1417MST 21 07 90

D136

U B219 AAB MEX  
MAHATHIR-PERTANIAN 4 BATU PAHAT

KETIBAAN PERDANA MENTERU DAN ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DISAMBUT MERIAH OLEH LEBIH 5,000 ORANG PETANI DAN NELAYAN, DENGAN PALUAN KOMPANG, TARIAN KUDA KEPANG DAN IRINGAN BUNGA MANGGAR.

MAJLIS PELANCARAN DIMULAKAN DENGAN BACAAN IKRAR OLEH 1,500 ORANG PETANI DAN NELAYAN.

PADA MAJLIS ITU JUGA, PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN HADIAH DAN SIJIL KEPADA PELADANG JAYA JOHOR IAITU ENCIK KASTUMI RAUYAN DAN PUAN RONIRAH KUSNI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN PARA PEMIMPIN LAIN TERMASUK MENTERI BESAR TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN KEMUDIAN MELAWAT KE PELBAGAI GERAI YANG DIDIRIKAN OLEH AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA DI TAPAK PESTA ITU. -- BERNAMA

1418MST 21 07 90